

12 APR 2002

Mahathir-Kelantan

KERAJAAN PUSAT MAINKAN PERANAN BESAR BANGUNKAN KELANTAN SETIAP TAHUN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Persekutuan memainkan peranan besar untuk membangunkan rakyat dan negeri Kelantan melalui perbelanjaan RM3 bilion setiap tahun.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat juga menyuntik RM1 bilion lagi sebagai pembayaran gaji setiap tahun kepada lebih 40,000 pegawai dan kakitangan kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di negeri ini.

"Ini bermakna suntikan wang oleh kerajaan pusat kepada negeri Kelantan ini adalah begitu besar. Mungkin tanpa suntikan itu ekonomi negeri Kelantan akan menjadi lebih buruk daripada sekarang," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan di negeri Kelantan, di sini, hari ini sempena lawatan sehari beliau ke Kelantan.

Kerajaan negeri Kelantan diperintah oleh PAS sejak 1990.

Perdana Menteri berkata jumlah kakitangan kerajaan Persekutuan itu lebih ramai berbanding hanya 5,000 orang yang bekerja dengan kerajaan negeri Kelantan.

Menurutnya peruntukan sebanyak RM3 bilion setahun itu bagi membangunkan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan pemberian per kapita.

"Apa yang dilakukan oleh pegawai dengan duit yang diterima (gaji), takkanlah dia ambil semua duit pergi ke Kuala Lumpur untuk berbelanja, kadang-kadang dia pergi juga lah, tetapi bagi majoriti, wang itu dibelanjakan di Kelantan ini, dia beli barang, dia beli rumah dan bermacam lagi keperluan hidup," katanya.

Dr Mahathir berkata ini menunjukkan kerajaan pusat tidak "menganaktirikan" sesiapa dengan memberikan peruntukan yang cukup.

Perdana Menteri berkata yang penting ialah perbelanjaan itu dibuat dengan baik untuk mendatangkan manfaat kepada negeri dan rakyat Kelantan.

Beliau berkata kerajaan pusat amat sedih melihat keadaan ramai rakyat Kelantan yang tidak begitu memuaskan sehingga ramai yang terpaksa berhijrah mencari pekerjaan.

"Kita orang Malaysia sepatutnya tidaklah payah berhijrah, orang Bangladesh, orang Indonesia patutlah datang ke sini (Malaysia) tetapi orang kita duduk di tempat masing-masinglah, yalah saya pun berhijrah juga, dulu duduk di Kedah kini duduk di Kuala Lumpur, ini kerana keperluan pekerjaan saya.

"Di Kedah dulu pun boleh buka klinik, bekerja di Maha Klinik sebagai doktor biasa, kalau tak sabit saya dipilih jadi Perdana Menteri saya duduk di Alor Setar, tak payah berhijrah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan ingin melihat negara ini sama-sama membangun dengan pesat tanpa membezakannya dengan wilayah atau negeri.

Beliau berkata negeri boleh dimajukan jika mempunyai kerajaan cekap yang boleh merancang bagaimana memajukan negeri.

Menurutnya jika tidak ada kerajaan cekap yang mampu membentuk dasar dan membuat perancangan untuk memajukan negeri, mustahil negeri itu akan mendapat kemajuan.

"Sebab itu, kalau kita silap memilih (kerajaan), maka kitalah yang akan menjadi mangsanya. Kita tidak boleh memilih berasaskan emosi kerana kita pun tahu, kalau kita sedang marah, keputusan yang dibuat oleh kita jarang sekali bijak. Bila marah, kadang-kadang kita buat perkara yang semasa kita tidak marah, semasa fikiran kita tenang, kita tidak akan lakukan.

"Kalau tak percaya tengok, kadang-kadang suami-isteri berkelahi, dia

baling semua pinggan-pinggan, pasal marah, tetapi bila dia baik balik esok...lainlah pulak...kena pergi beli pinggan baru pula," kata beliau.

Dr Mahathir meminta rakyat memilih kerajaan tidak mengikut emosi atau terpengaruh dengan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan.

--BERNAMA

BD NAK